

ini.¹⁸ Berhubung dengan bab ini, ada riwayat daripada Abi al-Malih daripada ayahnya (sahabat), Abi Hurairah dan Anas.¹⁹ Nama Abu al-Malih bin Usamah ialah 'Aamir. Ada orang mengatakan namanya ialah Zaid bin Usamah bin 'Umair al-Huzali.²⁰

¹⁸ Walaupun Imam Tirmizi menyebutkan demikian, hadits tersebut tidak boleh dianggap hadits yang paling sahih dan paling hasan dalam keseluruhan perbendaharaan hadits-hadits yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Kenyataan seperti ini sebenarnya adalah satu istilah khusus Imam Tirmizi di dalam kitab Jaami'nya ini. Hadits yang dikatakan begitu oleh Tirmizi, ada kemungkinannya memang paling sahih dan paling hasan. Tetapi ada juga kemungkinan ia sebenarnya tidak sepertimana dinyatakan. Di dalam Taqrir at-Tirmizi oleh Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan ada disebutkan bahawa adakalanya hadits yang dinilai begitu oleh Tirmizi tidak sahih pun, bahkan ia dha'if. Jadi maksud sebenar Imam Tirmizi berkata begitu mungkin untuk menyatakan salah satu daripada tiga perkara berikut: (1) Memalukan bahawa hadits tersebut adalah yang paling tinggi tarafnya di dalam bab berkenaan selain daripada yang dikemukakan oleh pengarang-pengarang kitab sahih seperti Bukhari dan Muslim misalnya. Di sisi beliau hadits itu dengan sanad yang dikemukakannya adalah yang paling tinggi kedudukannya. Namun ia tidak bermakna sanad hadits itulah yang paling sahih dan hasan dari keseluruhan hadits-hadits yang ada. Paling sahih di sini hanyalah bermaksud paling sahih di antara kitab-kitab hadits yang lebih kurang sama tarafnya dengan Jaami'nya. (2) Paling sahih dan paling hasan dari sudut bahasa sahaja, bukan dari sudut istilah yang sedia dimalumi semua. Mungkin juga hadits yang dikemukakan oleh beliau sendiri dha'if daripada segi sanadnya. Tetapi jika dibandingkan dengan hadits-hadits lain, ia lebih lebih sahih dan lebih baik. Sebagai contohnya seorang doktor berkata: Di dalam wad ini pesakit yang paling sihat adalah 'Abdullah. Padahal 'Abdullah juga sakit. Cuma dia lebih sihat dan lebih baik jika dibandingkan dengan pesakit-pesakit lain yang ada di dalam wad berkenaan. (3) Bahawa hadits yang dikemukakannya itulah yang paling sahih dan paling hasan. Dan memang begitupun sebenarnya. Adapun hadits yang sedang kita bicarakan sekarang, ia termasuk dalam bahagian (1) tadi. Kerana yang paling sahih dalam bab ini sebenarnya adalah hadits Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam kitab Sahih masing-masing. Lafaznya begini: حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ هَمَّامٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ Bermaksud: Allah tidak menerima sembahyang seseorang daripada kamu apabila ia berhadats, sebelum ia berwudhu'. (Hadits riwayat Bukhari). Di dalam *Tuhfatu al-Ahwazi* disebutkan hadits ini dikemukakan oleh *al-Jama'ah* (pengarang-pengarang kitab Sunan Sittah) kecuali Imam Bukhari sahaja. Imam at-Thabaraani mengemukakannya di dalam *al-Mu'jam al-Ausath*nya dengan lafaz: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَا طَهْرَ لَهُ.

¹⁹ Berhubung dengan masalah ini juga ada riwayat daripada Abi al-Malih daripada ayahnya. Juga terdapat hadits daripada Abi Hurairah dan Anas. Hadits daripada Abu al-Malih dikemukakan oleh Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah. Lafaznya sedikit berbeza daripada hadits Ibnu 'Umar di atas: وَجَلَّ صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ وَلَا صَلَاةَ بِغَيْرِ طَهْوَرٍ Bermaksud: Allah tidak menerima sedekah daripada harta (pendapatan) yang haram dan tidak (menerima juga) sembahyang tanpa bersuci. (Ini adalah lafaz hadits Abu Daud). Namun hadits dengan sanad yang paling sahih di antara hadits-hadits dalam bab ini adalah hadits Abu Hurairah. Bukan hadits yang telah dikemukakan

2- Bab Tentang Kelebihan Bersuci.²¹

oleh Imam Tirmizi. Ianya ada diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim di dalam kitab mereka. Namun seperti telah dijelaskan, dengan mengemukakan hadits di atas, Imam Tirmizi bermaksud menunjukkan bahawa terdapat lagi saluran riwayat yang lain berkenaan dengan masalah ini. Walaupun kedudukannya tidak setaraf dengan hadits di dalam Sahih Bukhari dan Muslim, namun berbanding hadits-hadits seumpamanya di kitab-kitab sahih yang lain, hadits ini adalah yang paling sahih.

Inilah antara istilah dan kaedah di dalam kitab Jaami' Tirmizi yang perlu difahami. Nanti akan ditemui lagi keadaan yang serupa dalam perbincangan hadits-hadits seterusnya. Bahkan akan ditemui nanti keadaan di mana Imam Tirmizi memberikan komen terhadap hadits yang dikemukakannya dengan berkata: "Hadits ini adalah yang paling sahih", walhal sebenarnya hadits berkenaan adalah dha'if. Imam Tirmizi mahu mengisyaratkan di situ bahawa selain hadits-hadits sahih yang terdapat di dalam kitab-kitab sahih, hadits tersebutlah yang paling sahih. Terdapat satu lagi perkara yang perlu sekali diberikan perhatian. Apabila Imam Tirmizi mengisyaratkan dengan katanya *fil-bab*, ia bukan bermaksud hadits-hadits yang diisyaratkannya itu betul-betul serupa lafaznya dengan hadits yang telah dikemukakan oleh beliau di bawah sesuatu tajuk bab. Ia hanya bererti hadits-hadits yang diisyaratkan itu mempunyai ma'na yang sama ataupun hampir sama dan boleh dimasukkan juga di bawah bab berkenaan. Walaupun lafaznya mungkin berbeza. Hadits-hadits yang diisyaratkan di dalam *fil-bab* juga hanya ada kaitan dengan apa yang tersebut di dalam tajuk bab sahaja. Ia tidak melibatkan hadits yang dijadikan sebagai tajuk bab sepenuhnya. Tajuk bab di atas misalnya berbunyi: *باب مَا جَاءَ لَا يُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ*. Ia berpunca daripada hadits yang dikemukakan oleh Tirmizi sendiri di bawahnya, iaitu: *لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ*. Jadi isyarat Tirmizi dengan katanya *fil-bab* itu tidak melibatkan bahagian kedua hadits, iaitu: *وَلَا صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ* yang tidak dijadikan oleh Tirmizi sebagai tajuk babnya.

²⁰ Di sini Imam Tirmizi memperkenalkan Abu al-Malih dengan lebih terperinci. Beliau dikenali dengan Abu al-Malih bin Usaamah. Nama sebenarnya ialah 'Aamir. Hadits Abu al-Malih yang telah dikemukakan sebelum ini bukannya riwayat beliau, tetapi ia adalah riwayat beliau daripada ayahnya yang merupakan seorang sahabat Nabi s.a.w. Dikatakan juga namanya adalah Zaid bin Usamah bin Umair al-Huzali. Perincian tentang Abu al-Malih yang diberikan oleh Tirmizi ini dapat anda temui di dalam riwayat Ibnu Majah berikut ini: *حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ ح وَحَدَّثَنَا بَكْرُ بْنُ خَلْفٍ أَبُو بَشْرٍ خَنَّ الْمُقَرِّي حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ قَالُوا حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ بْنِ أَسَامَةَ عَنْ أَبِيهِ أَسَامَةَ بْنِ عُمَيْرٍ الْهَذَلِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةً إِلَّا بِطُهُورٍ وَلَا يَقْبَلُ صَدَقَةً مِنْ غُلُولٍ*. Lafaz hadits Ibnu Majah juga berbeza sedikit daripada lafaz Abu Daud yang telah penulis kemukakan tadi. Pengenalan kepada perawi sebegini adalah salah satu kelebihan yang boleh didapati di dalam kitab Jami' Tirmizi.

²¹ Ini adalah bab kedua di bawah tajuk besar *Abwab at-Thaharah*. Perbicaraan di dalam bab ini juga secara amnya berkaitan dengan kelebihan *thuhur* (bersuci). *طهور* hendaklah dibaca dengan *thuhur*, bukan *thahur*. Jika dibaca *thahur* ia akan memberi erti bahan-bahan yang diguna untuk

٢- حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مُوسَى الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا مَعْنُ بْنُ عِيسَى الْقُرَازِيُّ حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ ح وَحَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ عَنْ مَالِكٍ عَنْ سُهَيْلِ بْنِ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ أَوْ الْمُؤْمِنُ فَعَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَتْ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بِعَيْنَيْهِ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ وَإِذَا عَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَتْ مِنْ يَدَيْهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ بَطَشَتْهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوبِ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَهُوَ حَدِيثُ مَالِكٍ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبُو صَالِحٍ وَالِدُ سُهَيْلٍ هُوَ أَبُو صَالِحٍ السَّمَّانُ وَاسْمُهُ دَكْوَانُ وَأَبُو هُرَيْرَةَ اخْتَلَفَ فِي اسْمِهِ فَقَالُوا عَبْدُ شَمْسٍ وَقَالُوا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو وَهَكَذَا قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَهُوَ الْأَصَحُّ قَالَ أَبُو عِيسَى وَفِي الْبَابِ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ وَثَوْبَانَ وَالصُّنَائِجِيِّ وَعَمْرُو بْنُ عَبْسَةَ وَسَلْمَانَ وَعَبْدِ اللَّهِ بْنُ عَمْرِو وَالصُّنَائِجِيُّ هَذَا الَّذِي رَوَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي فَضْلِ الطُّهُورِ هُوَ عَبْدُ اللَّهِ الصُّنَائِجِيُّ وَالصُّنَائِجِيُّ الَّذِي رَوَى عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصَّدِّيقِ لَيْسَ لَهُ سَمَاعٌ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْمُهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عُسَيْلَةَ وَيُكْنَى أَبَا عَبْدِ اللَّهِ رَحَلَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُبِضَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الطَّرِيقِ وَقَدْ رَوَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَادِيثَ

bersuci seperti air, dan termasuk juga dalam kata *thahur* itu tanah yang digunakan untuk bertayammum. Sama juga perbedaannya di antara *wudhu'* dengan *wadhu'*. *Wudhu'* bererti perbuatan mengambil air sembahyang, sementara *wadhu'* adalah alat atau bahan yang digunakan untuk berwudhu' (air). *Thuhur* walaupun mengandungi ma'na yang luas merangkumi *wudhu'*, *tayammum* dan mandi wajib, namun *thuhur* yang disebutkan di dalam hadits ini semestinya dipakai dengan erti berwudhu' atau mengambil air sembahyang. **Apakah maksud dan pengertian** *wudhu'* sebenarnya? *Wudhu'* dalam pengertian bahasa Arab bererti seri atau sinar yang cerah. Pada zahirnya apabila seseorang bersuci dengan mengambil air sembahyang, seri dan kecerahan akan kelihatan pada anggota-anggota *wudhu'*nya. Tetapi kesan dari *wudhu'* itu tidak hanya terbatas pada anggota lahir sahaja. Malah ia akan meresap jauh ke dalam jiwa seseorang. Lalu membersihkan dan menyucikannya. Sebagai hasilnya lahirlah jiwa yang berseri-seri dan bersinar-sinar cerah. *Wudhu'* adalah suatu istilah yang disempenakan, sebagai mengiktiraf peranannya yang mampu mencerahkan hati dan menjernihkan jiwa serta menghasilkan seri pada anggota lahir dan batin seseorang. Ia termasuk dalam qaedah: *من باب تسمية الشيء باسم ماله*: (menamakan sesuatu dengan kesan atau akibatnya). Justeru *wudhu'* (keserian) itu berpunca daripada *thuhur* yang dilaksanakan. **Jika diperhatikan kepada hadits** yang lalu, iaitu hadits "Sembahyang tidak diterima tanpa bersuci", ia sedikit sebanyak telah pun menyingkap kelebihan *thuhur*. Meskipun ia hanyalah suatu kesimpulan yang difahami daripada hadits tersebut, namun secara tidak langsung ia juga merupakan suatu kelebihan bersuci. Berbeza dengan hadits yang sedang diperbincangkan ini, kerana ia memfokuskan secara khusus tentang fadhilat dan kelebihan yang bakal didapati daripada perbuatan bersuci itu.

وَالصَّنَائِحُ بْنُ الْأَعْسَرِ الْأَحْمَسِيِّ صَاحِبُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَالُ لَهُ الصَّنَائِحِيُّ أَيْضًا وَإِنَّمَا حَدِيثُهُ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنِّي مُكَاتِّرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ فَلَا تُقْتَلَنَّ بَعْدِي

2- Ishaq bin Musa al-Anshari²² meriwayatkan kepada kami, katanya: Ma'an bin Isa Al-Qazzaaz²³ meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik bin Anas²⁴ meriwayatkan kepada kami. (Kata Imam Tirmizi lagi):²⁵ Qutaibah²⁶ (juga) meriwayatkan kepada kami

²² Beliau seorang faqih, hafiz dan tsabt (seorang yang teguh dan kukuh). Abu Musa adalah kunyahnya. Pernah menjadi qadhi di Naisabur. Menerima hadits daripada Sufyan bin 'Uyainah, 'Abdis Salam bin Harb dan Ma'an bin 'Isa. Salah seorang tokoh hadits dan Sunnah. Imam Nasaa'i berkata: "Ishaq seorang tsiqah. Muslim, Tirmizi, Nasaa'i dan ramai lagi tokoh-tokoh yang lain meriwayatkan hadits daripada beliau." Meninggal dunia pada tahun 244H. Imam Tirmizi telah menerima hadits ini daripada Ishaq bin Musa al-Anshari. Beliau merupakan antara guru Imam Tirmizi yang paling utama dan istimewa. Daripada beliau Imam Tirmizi telah memperolehi banyak sekali ilmu dan man'faat. Jika didapati di dalam Jaami' at-Tirmizi ini hadits-hadits yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi daripada al-Anshari sahaja, perlulah diketahui bahawa yang dimaksudkan oleh beliau dengannya ialah gurunya ini. Sebutan al-Anshari secara umum di dalam kitab Jaami' Tirmizi merujuk kepada Ishaq bin Musa al-Anshari. Antara contohnya ialah riwayat Tirmizi di bawah: بَاب مَا جَاءَ فِي مَاءِ الْبَحْرِ أَنَّهُ طَهُورٌ. Imam Tirmizi meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ عَنْ مَالِكٍ ح وَحَدَّثَنَا الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا مَعْنٌ حَدَّثَنَا مَالِكُ الْخ. Demikian juga di bawah: حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ عَنْ مَالِكِ بْنِ أَنَسٍ قَالَ. Imam Tirmizi meriwayatkan, katanya: وَحَدَّثَنَا الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا مَعْنٌ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْلِي الصُّبْحَ فَيُنْصَرِفُ النِّسَاءَ قَالَ الْأَنْصَارِيُّ فَيَمُرُّ النِّسَاءَ مُتْلِفَاتٍ بِمُرُوطِهِنَّ مَا يُعْرِفْنَ مِنَ الْغُلَسِ وَقَالَ قُتَيْبَةُ مُتْلِفَاتٍ. Al-Anshari yang tersebut di dalam sanad dua hadits ini tidak lain dan tidak bukan adalah Ishaq bin Musa al-Anshari.

²³ Abu Yahya, al-Madani al-Asyja'i. Ma'an seorang hafiz dan hujjah. Beliau menerima hadits daripada Ibnu Abi Zi'b, Mu'aawiah bin Saleh, Malik, Musa bin 'Ali dan tokoh-tokoh seangkatan dengan mereka. Ibnu Abi Khaitamah, Harun al-Hammaal, Yunus bin 'Abdil A'la dan segolongan besar tokoh-tokoh hadits telah menerima hadits daripada beliau. Kata Abu Hatim: "Saya lebih suka dia berbanding Ibnu Wahab. Beliau murid Malik yang paling kemas." Meninggal dunia pada tahun 198H. Demikianlah tersebut di dalam Tazkiratu al-Huffaaz, karangan az-Zahabi. Ma'an merupakan salah seorang murid Imam Malik yang paling istimewa dan tersenarai di antara murid yang paling lama belajar dengan Imam Malik. Beliau juga merupakan salah seorang tokoh yang telah memainkan peranan penting dalam menghimpunkan fatwa-fatwa dan ijtihaad Imam Malik.

²⁴ Beliau ialah Imam Malik bin Anas bin Malik bin Abi 'Aamir bin 'Amar bin al-Haarits al-Ashbahi. Gelaran beliau ialah Imam Daril Hijrah (Madinah Nabi s.a.w.). Salah seorang imam mujtahidin yang sangat terkenal, dikagumi dan diterima baik oleh semua tokoh 'ulama' di sepanjang zaman. Meninggal dunia pada tahun 179H.

²⁵ Di sini ada isyarat tahwil iaitu ح . Perbincangan tentangnya telah pun berlalu dengan panjang lebar di bawah nota: 10 yang lalu. Sila lihat di sana.

(diambilnya riwayat ini) daripada Malik daripada Suhail²⁷ bin Abi Saleh²⁸ daripada ayahnya daripada Abi Hurairah,²⁹ katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang

²⁶ Latar belakang Qutaibah telah pun berlalu di dalam nota 6 yang lalu. Lihatlah di sana.

²⁷ Al-Madani. Seorang perawi shaduq. Hafalan Suhail tergugat di akhir hayatnya. Ia tidak sekuat sebelum itu. Imam Bukhari hanya mengemukakan riwayat beliau di dalam ta'liqaatnya atau di dalam (riwayat-riwayat) syawaahid sebagai sokongan sahaja. Kata Imam az-Zahabi: “Para ‘ulama’ mengatakan, Malik menerima hadits daripada Suhail sebelum hafalannya tergugat.” Kata al-Haakim: “Imam Muslim telah mengemukakan banyak riwayat beliau. Tetapi kebanyakannya di dalam syawaahid.” Suhail meninggal dunia di zaman pemerintahan Khalifah al-Manshur.

²⁸ As-Sammaan al-Madani. Nama Abu Saleh yang sebenarnya ialah Zakwaan. Oleh kerana kerja beliau ialah membawa minyak sapi dan lain-lain minyak ke Kufah, maka beliau dikenali juga dengan nama gelaran as-Sammaan atau az-Zaiyyat. As-Sammaan bererti penjual, pedagang atau pembuat minyak sapi. Az-Zaiyyat pula bererti penjual, pedagang atau pembuat minyak. Abu Saleh adalah seorang perawi tsiqah dan tsabt. Meninggal dunia pada tahun 101H.

²⁹ Abu Hurairah adalah sahabat yang meriwayatkan hadits kedua ini daripada Nabi s.a.w. Imam Tirmizi juga telah menyentuh secara sepintas lalu berkenaan Abu Hurairah di dalam komentarnya selepas mengemukakan haditsnya. Mengikut Imam Tirmizi, para ‘ulama’ berbeza pendapat tentang nama sebenar Abu Hurairah. Di kalangan mereka ada yang mengatakan namanya ‘Abdu Syams. Ada juga golongan yang mengatakan nama sebenar beliau ialah ‘Abdullah bin ‘Amar. Inilah pendapat Muhammad bin Ismail (Imam Bukhari). Menurut penilaian Imam Tirmizi, itulah nama sebenar Abu Hurairah yang lebih sahih. Pertikaian tentang nama sebenar Abu Hurairah tidak terhenti setakat satu dua pendapat yang dikemukakan oleh Imam Tirmizi itu sahaja. Malah jika ditelusuri kitab-kitab Rijal, terdapat banyak sekali pendapat yang dinukilkan berkenaan dengan nama sebenar beliau. Di dalam sesetengah kitab jumlahnya mencapai 30 nama. Di dalam sesetengah yang lain pula disebutkan sampai 40 pendapat berkenaan dengan nama sebenar Abu Hurairah. Begitupun, yang paling masyhur hanyalah 2 atau 3 pendapat sahaja. Sama ada ‘Abdur Rahman bin Sakhr, Abdu Syams bin Sakhr ataupun ‘Abdullah bin ‘Amar. Tetapi seperti telah disebutkan, Imam Tirmizi lebih menyetujui pendapat Imam Bukhari dan segolongan ‘ulama’ yang sependapat dengannya, bahawa nama sebenar Abu Hurairah ialah ‘Abdullah bin ‘Amar. Kenapa Imam Tirmizi lebih menyetujui pendapat Bukhari dalam soal ini dan beliau mengatakan itulah yang lebih sahih? Bukankah kebanyakan ‘ulama’ mentarjihkan nama ‘Abdur Rahman bin Shakhr? Dan mereka juga ada alasan. Alasannya ialah riwayat Haakim di dalam al-Mustadrak, di mana Abu Hurairah sendiri menceritakan nama sebenarnya. Kata Haakim: حدثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ثنا أحمد بن عبد الجبار ثنا يونس بن بكير عن ابن إسحاق حدثني بعض أصحابي عن أبي هريرة رضي الله عنه قال كان اسمي في الجاهلية عبد شمس بن صخر فسماني رسول الله صلى الله عليه وسلم عبد الرحمن Bermaksud: Kata Abu Hurairah: Nama saya semasa jahiliah dahulu adalah ‘Abdu Syams bin Shakhr. Kemudian (setelah memeluk agama Islam) Rasulullah s.a.w. menamakan saya ‘Abdur Rahman. (Hadits riwayat al-Haakim di dalam al-Mustadrak jil. 3, m/s 580). Jelas sekali keterangannya, tetapi kenapa Imam Bukhari tidak menerimanya. Jawabnya ialah isnad hadits itu bermasalah. Satunya ialah di dalamnya ada Ibnu Ishaq. Dan yang keduanya ialah Ibnu Ishaq telah menerimanya daripada seorang perawi yang majhul (بعض أصحابي). Tidak diketahui siapa sebenarnya (salah seorang sahabat atau guru saya) itu! Kerananya hadits ini menjadi dha’if. Imam Bukhari dan